

D776

U B076 BAH

MAHATHIR - UMNO

KUALA TERENGGANU, 1 NOV (BERNAMA) -- UMNO SEDANG MENYUSUN BEBERAPA STRATEGI BARU BAGI MENJADIKANNYA SEBUAH PARTI POLITIK YANG LEBIH BERKESAN MANAKALA BARISAN NASIONAL (BN) PULA AKAN MENINGKATKAN USAHA UNTUK MENGATASI POLARISASI KAUM DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SELAKU PRESIDEN UMNO DAN Pengerusi BN BERKATA STRATEGI BARU ITU TELAH DISAMPAIKAN KEPADA PARA PEMIMPIN UMNO DI TIGA BUAH NEGERI TERMASUK TERENGGANU +SAYA AKAN MENERANGKAN STRATEGI-STRATEGI ITU KEPADA PARA PEMIMPIN UMNO DI NEGERI-NEGERI LAIN SEPANJANG SIRI LAWATAN SAYA KE SELURUH NEGARA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA PADA AKHIR LAWATAN DUA HARI KE TERENGGANU DI LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD, DEKAT SINI PETANG INI.

SELAIN TERENGGANU, PERDANA MENTERI SETAKAT INI TELAH MELAWAT PERLIS DAN KEDAH. LAWATAN ITU SELAIN BERTUJUAN MENERANGKAN STRATEGI-STRATEGI BERKENAAN, JUGA BERMaksud MENERANGKAN KEPADA PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN MENGENAI DASAR-DASAR EKONOMI NEGARA DALAM KEADAAN KEMELESETAN, TERMASUK LANGKAH BERJIMAT-CERMAT DAN TAFSIRAN SERTA IMPLIKASI BELANJAWAN 1987 YANG DIBENTANGKAN OLEH MENTERI KEWANGAN DI DEWAN RAKYAT BARU-BARU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA MASA INI PIHAKNYA BELUM BERSEEDIA MENYATAKAN APAKAH STRATEGI YANG SEDANG DISUSUN OLEH UMNO UNTUK MEMPERKEMASKAN JENTERANYA. -- LAGI
1732MST 01 11 86

D783

U B081 BAH

MAHATHIR - UMNO 2 KUALA TERENGGANU

+JUSTERU ITULAH MAKA PERTEMUAN SAYA DENGAN PARA PEMIMPIN UMNO DAN BN DI NEGERI-NEGERI YANG TELAH DAN AKAN SAYA LAWATI DIADAKAN SECARA TERTUTUP,+ KATANYA.

MENURUTNYA, DALAM PERTEMUAN DENGAN PARA PEMIMPIN UMNO DAN BN TERENGGANU SEMALAM, BELIAU TELAH MENEKANKAN BETAPA PERLUNYA PARTI ITU DIPERKEMASKAN DARI SEKARANG, WALAUPUN PILIHAN RAYA UMUM MASIH JAUH.

BELIAU JUGA TELAH MENEKANKAN PENTINGNYA PERPADUAN DIPERTINGKATKAN DI KALANGAN RAKYAT BERBILANG KAUM BAGI MENGATASI MASALAH POLARISASI KAUM DAN MENGEKALKAN KEAMANAN, KEHARMONIAN SERTA KESTABILAN NEGARA.

DALAM PERTEMUAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN PULA, BELIAU TELAH MEMBERIKAN PENERANGAN TERPERINCI MENGENAI DASAR-DASAR BELANJAWAN KERAJAAN DI SAMPING MENDENGAR PANDANGAN DAN KEMUSYKILAN YANG DIKETENGAHKAN OLEH PARA PEGAWAI KANAN ITU TERMASUK YANG BERKAITAN DENGAN KENAIKAN KADAR FAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN DAN RENDERAAN.

DALAM UCAPAN BELANJAWANNYA ENCIK DAIM ZAINUDDIN MENGUMUMKAN KADAR FAEDAH BAGI KEDUA-DUA JENIS PINJAMAN ITU DINAikkan DARIPADA 4 PERATUS KEPADA 6 PERATUS.

PERDANA MENTERI BERKATA PERTEMUAN ITU TELAH MEMBOLEHKAN KEDUA-DUA PIHAK IAITU KERAJAAN DAN PEGAWAI-PEGAWAINYA MEMAHAMI KEDUDUKAN MASING-MASING DENGAN LEBIH BAIK LAGI. -- BERNAMA
1744MST 01 11 86